

## WALI NIKAH DALAM FIQH DAN PENERAPANNYA DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BRUNEI (PINDAAN 2012)

Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja

Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail\*

**Abstract:** *Guardians are an important component in the ceremony of marriage for Muslim. The objective of article is to review the status of a guardian in determining the validity of a marriage, explaining the type of guardians and conditions that need to be present. In addition, the study also wanted to explain the requirement of the guardian's permit in marriage under the Brunei Islamic Family Law (Pindaan 2012). The analysis of this article will expose the opinions in the four models of fiqh along with their proofs rather than the source of the Qur'an, the Sunnah and so on. The next review will review the implementation of the fiqh within the Brunei Family Law. The study will also examine the aspects of equality and disagreements in the four sects and allotments in the law. The result of the study found that the guardian is the determinant of marriage validity according to the jumhur ulama and Syara 'Law derived from the Syafi'i fiqh.*

ملخص: أولياء الأمور تعتبر عنصرا هاما في حفل الزواج بالنسبة للمسلم. والهدف من هذه المقالة هو لاستعراض حالة وصي في تحديد صحة الزواج، وشرح نوع من أولياء الأمور والشروط التي يجب أن تكون موجودة. وبالإضافة إلى ذلك، فإن دراسة أراد أيضا لشرح متطلبات تصريح الولي في الزواج وفقاً (Pindaan 2012).

سوف محللة بيانات من هذه المادة فضح الآراء في أربعة نماذج من فقه جنبا إلى جنب مع التعليقات براهينهم بدلا من مصدر القرآن، والسنة، وهلم جرا. وسيكون الاستعراض المسبق استعراض تنفيذ فقه ضمن قانون الأسرة بروناي. أيضًا وخلافات في المذاهب والمخصصات أربعة في القانون. وجدت نتائج الدراسة أن الوصي هو المحدد من صحة الزواج وفقاً لقانون العلماء والإسلامية المستمد من الفقه الشافعي.

**Kata kunci:** wali perkawinan, fiqh, Undang-Undang Keluarga

Dalam masyarakat Islam, pasangan lelaki dan perempuan yang berhasrat mendirikan rumah tangga akan melalui beberapa perkara. Bermula daripada peminangan sehingga upacara akad nikah. Setelah selesai akad nikah, pasangan tersebut digelar suami isteri yang mana hubungan mereka menjadi halal untuk hidup bersama.

Hukum meminang perempuan berbeza mengikut keadaan perempuan tersebut sama ada dia tunangan seseorang, berada dalam ‘iddah talaq raj’i atau ‘iddah talaq bain atau bebas daripada keadaan-keadaan tersebut. Hanya perempuan dari keadaan terakhir sahaja yang boleh dipinang tanpa syarat.

---

\*Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, dan Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Mazhab Shafii, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Alamat Koresponden email: [nurolhuda.hajiismail@unissa.edu.bn](mailto:nurolhuda.hajiismail@unissa.edu.bn)

Akad nikah pula akan disempurnakan oleh wali atau wakilnya seorang juru nikah bertauliah bersama lelaki yang akan dinikahkan. Dalam keadaan tertentu, wali enggan menikahkan atau tidak mengizinkan perempuan yang di bawah wilayah atau kuasanya untuk bernikah. Dalam keadaan lain, kemungkinan berlaku pernikahan tanpa pengetahuan wali. Kemungkinan juga wali tidak menepati syarat-syarat sah wali. Bagi menangani masalah-masalah yang berlaku berkenaan akad nikah, para ulama ada kalanya bersepakat dan ada kalanya berselisih pendapat.

Bagi menjaga maslahat masyarakat Islam dalam sesebuah negara, sama ada mereka terdiri daripada kaum minoriti atau majoriti, didirikan badan atau pertubuhan untuk mengawal selia perkawinan orang Islam seperti majlis ugama Islam dan mahkamah syariah. Maslahat itu antaranya ialah akad nikah berwali nasab atau wali hakim mengikut keadaan yang diperlukan dan sebelum akad nikah itu dilaksanakan, proses tertentu dilakukan bagi makluman pihak berwajib.

### **Definisi wali**

Wali adalah perkataan bahasa Arab dari kata kerja *ولي* yang Artinya berkuasa mengurus sesuatu perkara. Justeru wali *(ولي)* Artinya seseorang yang berkuasa mengurus atau pelaksana sesuatu (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1997: 682). Dalam kitab Hasyiah al-Syarqawi (Al-Syarqawi, 1941: 226, Jilid 2), wali nikah Artinya orang yang melaksanakan pernikahan. Oleh itu, dari keterangan yang diberikan, wali merupakan individu yang berperanan besar dalam sesuatu perkawinan.

### **Jenis wali**

Wali ada dua jenis yaitu wali nasab dan wali hakim. Wali nasab terbagi dua yaitu wali mujbir (*مجبر*) atau aqrab (*أقرب*) dan wali bukan mujbir atau ab'ad (*أبعد*). Wali mujbir boleh melaksanakan akad nikah seseorang yang di bawah kuasanya walaupun tanpa izin orang tersebut.

Pada mazhab Hanafi (Al-Marghinani, 2006: 480-481, Jilid 2; Al-Zuhaili, 2007: 6693, Jilid 9), wali mujbir adalah kerabat 'asabah (*عصبة*) yaitu kerabat yang menerima 'asabah dalam perwarisan. Menurut Imam Abu Hanifah, apabila bapak atau datuk menikahkan keturunannya semasa belum baligh, maka keturunannya itu tidak boleh membuat pilihan selepas baligh sama ada mengekalkan pernikahan atau menuntut fasakh. Ini karena bapak atau datuk berpandangan sempurna dan penuh kasih sayang terhadap keturunannya. Sebaliknya pernikahan yang dilakukan oleh kerabat 'asabah selain bapak atau datuk, maka kanak-kanak yang belum

baligh itu berhak memilih sama ada mahu mengekalkan pernikahan atau menuntut fasakh apabila baligh. Kerabat ‘asabah selain bapak atau datuk, terdiri daripada anak lelaki, adik beradik lelaki dan anak mereka, bapak saudara dari pihak bapak dan anak mereka. Mereka ini dianggap kurang perasaan kasih sayang berbanding bapak dan datuk. Ibu termasuk dalam kategori ini karena pandangannya kurang sempurna jika dibandingkan dengan bapak dan datuk.

Kerabat yang bukan ‘asabah seperti bapak saudara dari pihak ibu dan ibu saudara dari pihak bapak atau ibu, juga berkuasa menikahkan jika tiada kerabat ‘asabah. Hujjah Imam Abu Hanifah ialah kewujudan perasaan kasih sayang dalam diri kerabat yang bukan ‘asabah.

Pada mazhab Maliki ‘asabah Artinya waris yang menerima harta perwarisan tanpa kadar tertentu, sama ada mendapat semua harta jika berseorangan atau mendapat *baki* daripada *habuan* waris yang menerima secara fardhu. Lihat: (al-Zuhaili, 2001: 127), wali mujbir terdiri daripada bapak dan wasi (وصي) (al-Zuhaili, 2001: 401) ketika ketiadaan bapak. Bapak berkuasa menikahkan anak dara (بكر) sama ada baligh atau belum baligh dan janda (ثيب) yang belum baligh. Jika bapak telah menentukan bakal suami anaknya, maka wasi melaksanakan akad nikah dengan syarat bakal suami tersebut tidak fasik dan boleh menyerahkan mahar *mithl* (مهر مثل). Mahar *mithl* Artinya jenis dan kadar mahar berdasarkan kecantikan, taraf dan keturunan perempuan dalam sesebuah masyarakat. Lihat (Al-Dusuqi, 2005: 467, Jilid 2).

Wali bukan mujbir adalah kaum kerabat ‘asabah dan kafil (كافل). Kerabat ‘asabah seperti anak lelaki dan keturunannya, adik beradik lelaki seibu sebapak dan sebapak berserta keturunan mereka, datuk dan adik beradik lelaki bapak sama ada seibu sebapak atau sebapak berserta keturunan. Kafil ialah seseorang yang memelihara kanak-kanak perempuan dari golongan miskin selama 10 tahun atau dalam tempoh yang boleh melahirkan kasih sayang. Perempuan itu dipelihara selepas kematian bapaknya dan tiada sanak saudara. Kafil berkuasa menikahkannya dengan izinnya apabila dia telah sampai usia baligh.

Pada mazhab Syafi’i (Al-Ramli, 1967: 228-232; Jilid 6. Al-Dimyati, 2001: 481-484, Jilid 3), wali mujbir terdiri daripada bapak, kemudian datuk semasa ketiadaan bapak. Bapak boleh menikahkan anak dara sama ada baligh atau belum baligh tanpa meminta izin daripada anak itu dengan beberapa syarat. Pertama, bakal suami setaraf (كفاءة) setaraf atau ada persamaan bakal suami dengan bakal isterinya dari sudut kedudukan dalam masyarakat dan keturunan (Lihat Ahmad Mukhtar, 2008: 1942, Jilid 3), dengan anaknya dan

berkemampuan menyerahkan mahar mithl. Kedua, tiada permusuhan sama ada nyata atau tersembunyi di antara perempuan tersebut dan bakal suaminya. Ketiga, tiada permusuhan yang nyata di antara perempuan tersebut dan walinya. Jika tiada memenuhi syarat tersebut, maka bapak hendaklah meminta izin terlebih dahulu sebelum melakukan akad nikah karena akad nikah tidak sah tanpa izinnya.

Walau bagaimanapun, bagi anak yang sudah baligh, mustahab (مستحب) Mustahab Artinya sesuatu yang digemari oleh syara' tetapi tidak diwajibkan. Lawannya makruh. (Lihat Ahmad Mukhtar, 2008: 434, Jilid 1) mendapat persetujuan daripadanya dan dimaklumi izinya itu melalui diamnya tanpa bantahan. Dalilnya ialah sabda Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam daripada Abi Hurairah:

لَا تُنْكِحُ الْبَرْكُ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ، وَلَا الشَّيْبُ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ» فَقَيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ إِذْنُهَا؟ قَالَ: «إِذَا سَكَتَتْ»

Artinya: Tidak dinikahkan anak dara kecuali diminta izinnya dan tidak dinikahkan janda kecuali dengan permintaannya. Maka ditanya Rasulullah Sallallah 'Alaih Wasallam bagaimana diketahui izinnya. Baginda menjawab yaitu apabila dia diam.

Bapak tidak boleh menikahkan anaknya yang janda sama ada baligh atau belum baligh kecuali dengan kemahuannya secara jelas sebagaimana dalil hadith di atas. Anak yang belum baligh ditunggu sehingga dia baligh untuk diminta izinnya.

Wali bukan mujbir atau ab'dad ialah adik beradik seibu sebapak, kemudian adik beradik sebapak, kemudian anak mereka, kemudian bapak saudara sebelah bapak seibu sebapak, kemudian sebapak, kemudian individu yang menerima 'asabah sebagaimana dalam perwarisan. Anak tidak boleh mengakad nikah ibunya karena tiada persamaan nasab antara anak dan ibu. Nasab ibu kepada bapaknya, manakala nasab anak kepada bapaknya yaitu suami ibu.

Pada mazhab Hanbali (Al-Bukhari, 1422H: 25, Jilid 9), wali mujbir adalah bapak karena lebih berperasaan kasih sayang terhadap anaknya berbanding dengan 'asabah yang lain dan bapak berkuasa mengawasi terhadap harta anaknya yang safih (سفيه) Artinya tidak pandai mengurus harta dengan baik (Lihat: Mustafa al-Khin, 1992: 259, Jilid 8). Wali bukan mujbir terdiri daripada anak dan kerabat 'asabah mengikut susunan dalam perwarisan.

Dari keterangan di atas dapat disimpulkan bahwa ulama empat mazhab bersatu pendapat berkenaan wali mujbir bapak yang mempunyai kuasa menikahkan anaknya yang belum baligh tetapi mereka tidak sepandapat pada kuasa wali mujbir datuk dan wasi. Pada wali bukan mujbir pula, mereka bersetuju (tidak termasuk mazhab Hanafi) bahwa kerabat yang menerima 'asabah dalam perwarisan merupakan wali bukan mujbir. Akan tetapi mereka

berselisih pendapat berkenaan wali bukan mujbir datuk dan anak lelaki walaupun kedua-duanya dalam kalangan ‘asabah. Selain itu mereka juga tidak sependapat berkenaan ibu, kerabat bukan ‘asabah dan kafil.

### **Syarat wali nasab**

Seseorang wali dalam kategori wali nasab disyaratkan beberapa perkara. Pertama, dia seorang yang sudah baligh dan berakal. Kanak-kanak dan orang yang tidak siuman, tidak sah dilantik sebagai wali. Ini karena wali berperanan sebagai orang yang berkuasa, sedangkan mereka tidak berkuasa terhadap diri mereka maka lebih utama mereka tidak berkuasa terhadap orang lain (Al-Dimyati, 2001: 477, Jilid 3; Ibn Qudamah, 1994: 12, Jilid 3).

Kedua, bersifat ‘adalah (عدالة). Syarat ini bagi mazhab Syafi’i (Ibn Qudamah, 1994: 477-478, Jilid 2; Al-Syarqawi, 1941: 228, Jilid 2). Maksud ‘adalah bagi wali dalam mazhab Syafi’i ialah tidak fasiq semasa akad nikah. Jika dia melakukan maksiat kemudian segera bertaubat, maka dia boleh menjadi wali. Segera bertaubat Artinya berazam dengan keazaman yang kuat seperti berazam tidak akan melakukan kezaliman atau dia qada’ solat yang tidak dilaksanakan dalam waktunya. Dalilnya ialah sabda Nabi Sallallah ‘Alaih Wasallam:

عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوَلِيٍّ مُرْشِدٍ

Artinya: Tiada nikah kecuali dengan adanya wali yang mursyid (adil) (Al-Syafi’i. t.th: 220, Jilid 1).

Dalam mazhab Hanbali ada dua riwayat. Riwayat pertama, mensyaratkan sifat ‘adalah, diqiasikan kepada wilayah harta yaitu orang fasik tidak diberi kuasa untuk mengawasi harta anak yang belum baligh atau orang kurang akal. Riwayat kedua tidak mensyaratkan ‘adalah

Mazhab lain tidak mensyaratkan wali bersifat ‘adalah. Wali fasik boleh melaksanakan akad nikah. Memadai ‘adalah secara zahir sahaja karena mensyaratkan ‘adalah dalam keadaan zahir dan batin merupakan sesuatu yang sukar (Ibn Qudamah, 1994: 12, Jilid 3).

Ketiga, disyaratkan dengan pilihannya sendiri memberi izin, tanpa dipaksa. Sesuatu perkara yang dilakukan dengan paksaan, tidak diterima atau tidak sah berdalilkan sabda Nabi Sallallah ‘Alaih Wasallam:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ تَجَاءَزَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ، وَالنَّسِيَانَ، وَمَا اسْتُكْرِهُوا عَلَيْهِ

Artinya: Sesungguhnya Allah mengampunkan daripada umatku, perbuatan secara tersalah, lupa dan paksaan (Ibn Majah, t.th.: 659. No. hadith: 2043).

Keempat, lelaki. Perempuan tidak boleh menikahkan dirinya sendiri atau orang lain. Hadith Nabi Sallallah ‘Alaih Wasallam, daripada Saidatina Aisyah menyebut:

أَيُّمَا امْرَأَةٌ نَكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيْهَا فَنَكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنَكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنَكَاحُهَا بَاطِلٌ...

Artinya: Perempuan yang bernikah tanpa izin walinya, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal (Al-Tirmizi, 1998: 398; Jilid 2, No. hadith:1102).

Hadith di atas menyatakan dengan jelas, wali mestilah seorang lelaki. Perempuan tidak boleh menjadi wali. Jika dia tidak boleh menjadi wali untuk pernikahan dirinya sendiri, maka apakah lagi untuk pernikahan orang lain. Akad nikah yang dilakukannya itu tidak sah (Al-Syafi'i, 1990: 20, Jilid 5; Ibn Qudamah, 1994: 12, Jilid 3).

Mazhab Hanafi (Al-Marghinani, 2006: 475) tidak mensyaratkan wali daripada kalangan lelaki. Perempuan yang baligh dan berakal berkuasa menikahkan dirinya sendiri. Pada pendapat ini, perempuan melakukan akad nikah berdasarkan haknya sama seperti haknya berkaitan harta miliknya dan juga sifat baligh dan mumayyiz yang ada pada dirinya.

Kelima, wali tidak dalam keadaan berihram (Al-Dusuqi, 2005: 365, Jilid 2; Al-Dimiyati, 2001: 477, Jilid 3; Ibn Qudamah, 1994: 12, Jilid 3). Wali yang melaksanakan akad nikah semasa dalam ihram, akad nikah itu tidak sah. Ini pendapat mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Dalil mereka ialah larangan Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam yang diriwayatkan dari Saiyidina Uthman bin 'Affan. Baginda bersabda:

لَا يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ، وَلَا يُنْكَحُ، وَلَا يَخْطُبُ

Artinya: Orang yang dalam ihram tidak bernikah, tidak menikahkan orang lain dan tidak meminang perempuan (Muslim, t.th: 1031, Jilid 2, No. hadith: 1909).

Pada mazhab Hanafi (Al-Marghinani, 2006: 468, Jilid 2), wali dalam keadaan ihram boleh melaksanakan akad nikah. Dalil mereka ialah perkhabaran Ibn 'Abbas:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ مَبْوَنَةً وَهُوَ مُحْرِمٌ

Artinya: Sesungguhnya Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam mengahwini Maimunah semasa dalam ihram (Al-Bukhari, 1422H: 15, Jilid 3, No. hadith: 1837).

Keenam, sama agama di antara wali dan orang yang akan dinikahkan. Wali kafir tidak boleh mengakad nikah anak perempuannya yang berugama Islam (Al-Dusuqi, 2005: 365, Jilid 2; Ibn Qudamah. 12, Jilid 3; Al-Zuahili, 6700, Jilid 9). Nikah tidak sah. Firman Allah dalam ayat 71, surah al-Taubah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَائِهِ بَعْضٌ

Artinya: Orang beriman lelaki dan perempuan penolong di antara satu sama lain.

Dalam ayat 141 surah al-Nisa', Allah berfirman:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِكُفَّارِنَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ...

Artinya: Allah sama sekali tidak menjadikan jalan bagi orang kafir bagi mengatasi orang beriman.

Ketujuh, rusyd (رسد). Rusyd Artinya mendapat petunjuk atau hidayah berkenaan perkara agama dan harta atau dunia (Al-Syarqawi, 1941: 228, Jilid 2). Mazhab Maliki tidak mensyaratkan wali bersifat rusyd. Wali safih (سفیہ) yang berakal dan cerdik boleh mengakad nikah dengan izin perempuan yang akan dinikahkan (Al-Dusuqi, 2005: 366, Jilid 2). Pada mazhab Shafi'i (Al-Ramli, 228, Jilid 6), bapak yang tiada diberi kuasa mengawasi harta anaknya seperti tidak pandai mengurus harta, boleh melaksanakan pernikahan bagi anak tersebut.

Penjelasan di atas memaparkan kesepakatan ulama pada dua syarat yang mesti ada pada seorang wali. Pertama, wali disyaratkan seorang yang mukallaf. Kedua, wali dan perempuan yang di bawah kuasanya mestilah berugama Islam. Mereka tidak sependapat pada syarat-syarat lain karena masing-masing mendatangkan hujah yang berlainan disebabkan antaranya perbedaan dalam penggunaan sumber fiqh.

### **Wali hakim**

Wali hakim ialah sultan atau qadhi (Al-Marghinani, 2006: 483, Jilid 2; Al-Dusuqi, 357, Jilid 2. Hlm. 357), termasuk juga wakil mereka. Ijma' ulama (Ibn Battal, 2003: 248, Jilid 7). bahwa Sultan adalah wali bagi orang yang tiada wali nasab dan bagi pasangan yang setaraf tetapi wali nasab enggan menikahkan. Dalilnya ialah sabda Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam:

أَيُّمَا امْرَأَةٌ نَكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيْهَا فَنَكَاهُهَا بِاطْلُ ثَلَاثَةً إِنْ أَصَابَهَا فَعْلَيْهِ الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَ مِنْ فَرْجِهَا إِنْ اشْتَجَرُوا فَالْسُّلْطَانُ وَلِيٌّ مِنْ لَا وَلِيٌّ لَهُ

Artinya: Mana-mana perempuan bernikah tanpa izin wali, maka nikahnya batal (Baginda sebut sebanyak tiga kali). Jika berlaku hubungan suami isteri (jima'), maka pihak lelaki hendaklah membayar mahar. Maka jika mereka bertelingkah, maka Sultan bertindak sebagai wali bagi siapa yang tiada wali (Al-Syafi'i, 1951: 11, Jilid 2, No. hadith: 19).

Hadith di atas menjelaskan jika berlaku pertelingkahan antara perempuan yang mahu bernikah dengan walinya sedangkan lelaki pilihannya setaraf dengannya, maka Sultan atau wakilnya berkuasa menikahkannya. Ini jalan keluar yang ditetapkan dalam Islam bagi menjaga maslahat perempuan dan masyarakat.

Ulama berselisih pendapat jika wali ghaib tidak diketahui di mana dia berada. Pada mazhab Hanafi (Al-Marghinani, 483, Jilid 2), jika wali ghaib ke tempat yang sukar berulang alik, maka wali aqrab melakukan akad nikah, karena wali aqrab didahulukan dari apda Sultan seperti jika wali aqrab mati. Pada mazhab Maliki (Al-Dusuqi,

357, 360, 363, 364, Jilid 2), jika wali ghaib lebih daripada tiga hari atau wali berhijrah ke tempat yang jauh dan tidak diharap dia akan pulang, maka hakim menikahkannya dengan izinnya. Jika dengan tujuan berniaga walaupun dalam tempoh yang lama tetapi berniat untuk pulang, maka hakim tidak boleh melaksanakan akad nikah kecuali ditakuti berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada perempuan.

Pada mazhab Shafi'i (Al-Ramli, 234, Jilid 6; Al-Syarqawi, 230, Jilid 2), wali hakim melaksana akad nikah jika wali berlayar sejauh dua marhalah, dalam tempoh yang lama, tidak diketahui di mana dia berada atau tidak diketahui keadaannya sama ada masih hidup. Syarat wali hakim menikahkan ialah jika wali aqrab sebelum ghaib, tidak berwakil kepada seseorang yang tertentu atau tidak dihukumkan dia telah mati. Jika dia telah berwakil, maka wakil yang dipilihnya itu melaksanakan akad nikah. Jika dia dihukumkan telah mati, maka wali ab'ad melaksanakan akad nikah.

Pada mazhab Hanbali (Al-Karami, 2004: 234), hakim menikahkan jika wali ghaib dalam salah satu daripada keadaan berikut yaitu wali berada pada jarak yang harus dilakukan solat qasar atau tidak diketahui jarak keberadaan wali. Kemungkinan juga wali berada pada tempat yang dekat tetapi tidak diketahui tempat tersebut. Kuasa menikahkan perempuan berpindah kepada hakim apabila telah tiada semua wali nasab menurut susunan perwarisan yang bermula daripada bapak, anak dan keturunannya, adik beradik lelaki seibu sebapak, adik beradik lelaki sebapak dan seterusnya.

### **Keizinan wali**

Wali adalah salah satu daripada rukun nikah pada pendapat jumhur ulama. Menurut pendapat ini, seorang perempuan yang bernikah tanpa izin wali nasab, maka perkawinan tidak sah (Malik bin Anas, 1994: 108, Jilid 2; Al-Syirazi, t.th: 35, Jilid 2; Ibn Qudamah, 9, Jilid 3; Al-Zuhaili, 6698, Jilid 9). Ini berdasarkan firman Allah dalam ayat 232, surah al-Baqarah:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن يَنكِحْنَ أَرْجُونَهُنَّ إِذَا تَرَضُوا بِيَتْهُمْ بِالْمَعْرُوفِ لِذِكْرِ يُوعَظُ  
بِهِ مَن كَانَ مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْءَآخِرِ لِلْكُمْ أَرْكَى لَكُمْ وَأَطْهَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ

Artinya: Apabila kamu (suami) menceraikan isteri, tempoh 'iddahnya telah habis, maka janganlah kamu (wali) menghalanginya berkahwin dengan calon suaminya apabila mereka saling rela merelai dengan cara yang baik. Itulah yang dinasihatkan dengannya kepada sesiapa dalam kalangan kamu yang beriman kepada Allah dan Hari Akhir. Itu lebih baik bagi kamu dan lebih suci. Allah mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui.

Menelusuri penurunan ayat di atas, kitab Tafsir Mujahid (1989: 237). menyatakan bahwa ia diturunkan kepada seorang perempuan dari Muza'inah yang diceraikan oleh suaminya dengan satu talaq.

Kemudian kedua-duanya ingin berkahwin semula tetapi adik beradik perempuan itu yang bernama Ma'qil bin Yasar enggan membentarkannya berkahwin.

Menurut Imam Syafi'i (Al-Syafi'i, 2006: 378, Jilid 1), ayat di atas menunjukkan bahwa nikah sempurna dengan keridhaan wali. Menurut Imam al-Ramli (Al-Ramli, 224, Jilid 6) sekiranya wali tidak perlu dalam sesuatu perkawinan dan perempuan boleh menikahkan dirinya sendiri, maka tiada faedah atau kesan larangan terhadap keengganan dalam ayat tersebut.

Dalil lain ialah sabda Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam:

أَيْمًا امْرَأَةٌ نُكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيَهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ

Artinya: Mana-mana perempuan yang dinikahkan tanpa izin walinya, maka nikahnya terbatal (Al-Syafi'i, t.th. 220, Jilid 1).

Hadith di atas menyatakan dengan jelas hukum nikah perempuan yang tiada keizinan daripada wali yaitu nikah tidak sah. Ia dikuatkan dengan hadith lain yang mana baginda menyebut sebanyak tiga kali bahwa nikah terbatal.

Manakala pada pendapat mazhab Hanafi, nikah tanpa izin wali adalah sah dengan syarat perempuan itu baligh dan berakal. Bakal pasangannya pula hendaklah setaraf (كفاءة). Mereka berdalilkan hadith Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam:

الْأَيْمُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيَهَا، وَالْبِكْرُ تُسْتَادَنُ فِي نَفْسِهَا، وَإِذْنُهَا صُمَانُهَا

Artinya: *Al-Ayyim* lebih berhak tentang dirinya daripada walinya. Dara diminta izin untuk menikahkannya dan izinnya ialah diamnya (Al-Tirmizi, 407, Jilid 2, No. hadith: 1108).

*Al-Ayyim* (الأيم) dalam hadith di atas Artinya perempuan yang tiada suami sama ada dara atau janda. Ini menunjukkan bahwa perempuan ada hak untuk melaksanakan akad (Al-Zuhaili, 6699, Jilid 9).

Menurut Imam al-Tirmizi (Al-Tirmizi, 407, Jilid 2), sebahagian orang mengharuskan perkawinan tanpa wali dengan berhujahkan hadith *الأيم*. Ada pun makna sabda Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam *الأيم* pada sebahagian besar ahli ilmu ialah wali tidak mengahwinkannya melainkan dengan ridhanya dan suruhannya. Jika wali mengahwinkannya maka nikah terfasakh berdasarkan hadith pada kisah Khansa' binti Khizam. Bapaknya telah mengahwinkannya sedangkan dia janda dan tidak menyukainya. Lalu Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam membatalkan perkawinan tersebut.

Menurutnya lagi, sesungguhnya telah diriwayatkan lebih dari satu wajah, Ibn 'Abbas meriwayatkan daripada Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam "لَا نَكَحُ إِلَّا بُولِي". Oleh itu, Ibn 'Abbas pun berfatwa dengan

katanya: "لأنك حاولاً بولي" sebagaimana yang didengarnya daripada Nabi Sallallah 'Alaih Wasallam.

Kisah perkawinan Nabi Sallallah'Alaih Wasallam dengan Saidatina Hafsa binti Umar al-Khattab Radhiallah 'Anhuma, menunjukkan bahwa wali bapak adalah lebih utama daripada wali hakim (Ibn Battal, 248, Jilid 7). Saidina Umar sendiri melakukan akad nikah anaknya itu, sedangkan Nabi Sallallah'Alaih Wasallam adalah pemerintah pada masa itu. Begitu juga perkawinan Nabi Sallallah' Alaih Wasallam dengan Saidatina Aisyah binti Abu Bakr Radhiallah 'Anhuma sebelum itu. Saidina Abu Bakr yang mengakadnikahkan mereka. Ini sebagai dalil benar apa yang dikatakan oleh Imam Malik, Imam Syafi'i dan jumhur ulama bahwa wali diperlukan bagi perlaksanaan akad nikah.

### **Wali dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei (Pindaan 2012)**

Bagi orang Islam di Brunei yang mahu berkahwin, mereka mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Chapter 217, semakan 2012, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perintah di bawah pasal 83(3) khususnya berkenaan wali pihak perempuan.

Dalam Undang-Undang Keluarga Islam itu ada menyebutkan peranan wali dalam sesuatu perkawinan yang akan dilaksanakan seperti memberi izin dan mengakad nikah mauliahnya. Pasal 8 ceraian (4) menyatakan bahwa wali perempuan yang akan diakad nikah mesti memberi izin dan izin tersebut dicatit dalam borang yang ditetapkan. Setelah itu, barulah boleh jurunikhah menjalankan upacara pernikahan.

Walaupun jurunikhah mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan upacara akad nikah, ini tidak bermakna wali tidak dibenarkan sama sekali untuk mengakad nikah mauliahnya. Ceraian (3) dari pasal yang sama menjelaskan bahwa wali atau wakil wali boleh mengakad nikah mauliahnya di hadapan juru nikah, yaitu setelah mauliah tersebut memberi izin. Izin tersebut dicatit dalam borang yang ditetapkan.

Dalam keadaan tertentu, wali enggan mewalikan atau enggan memberi kebenaran tanpa sebab yang diluluskan oleh Hukum Syara'. Oleh itu, jurunikhah berkenaan hendaklah merujuk perkara itu kepada Pendaftar di daerah di mana perempuan yang hendak dinikahkan itu ber-*mastaутin* bagi mendapatkan keputusan. Ini dinyatakan dalam ceraian (6) dari pasal yang sama. Pendaftar tersebut ialah Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam yang dilantik di bawah Pasal 26 (Lihat Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Pindaan 2012, Pasal 2 (1). Ber-*mastaутin* bermakna tinggal tetap atau lazimnya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu (Lihat Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Pindaan 2012, Pasal 2 (1).

Setelah penyiasatan dilakukan, Hakim Syar'ie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa oleh Hakim Syar'ie, memberi persetujuan supaya perkawinan dilakukan oleh Wali Hakim mengikut Hukum Syara'. Persetujuan juga boleh diberi jika wali tidak dapat dikesan. Ini disebut dalam pasal 12 ceraian (b).

Proses yang sama dilakukan jika seseorang perempuan tidak mempunyai wali nasab sebagaimana yang ditentukan dalam Hukum Syara'. Setelah persetujuan diberi oleh Hakim Syar'ie, maka dia dinikahkan oleh Wali Hakim. Ini dijelaskan dalam pasal 8 ceraian (7) dan pasal 17 ceraian (1)(b) dan ceraian (2). Wali nasab bermakna seseorang yang sah mengikut Hukum Syara' menjadi wali bagi mengahwinkan seseorang perempuan karena hubungan keturunan yang berasaskan pertalian darah mengikut Hukum Syara' (Lihat Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Pindaan 2012, Pasal 2 (1).

Dapat disimpulkan, dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei, tiga individu yang diberi kuasa melaksanakan akad nikah supaya akad nikah itu boleh didaftarkan. Pertama, wali nasab mengikut susunannya apabila dilaksanakan di hadapan jurunikah. Kedua, jurunikah apabila wali nasab memberi izin tetapi tidak melaksanakan sendiri akad nikah. Ketiga, Wali Hakim yang diberi kebenaran oleh Hakim Syar'ie dalam keadaan berikut yaitu apabila wali nasab tiada atau wali nasab ada tetapi enggan mewalikan atau enggan memberi kebenaran tanpa sebab yang diluluskan oleh syara'.

Wali merupakan individu penting bagi melangsungkan akad nikah di Brunei Darussalam. Ia selaras dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam Brunei yang menyatakan keizinan wali perlu ada sebelum mendapat kebenaran berkahwin daripada pihak Pendaftar Mahkamah Syariah. Seterusnya perkawinan itu didaftarkan bagi pasangan suami isteri memperoleh sijil nikah.

Amalan perkawinan di Brunei Darussalam yang meletakkan status wali di tempat istimewa adalah selaras dengan pendapat jumhur ulama yang terdiri daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Walaupun dalam undang-undang disebut hukum syara' tanpa menentukan mazhab, tetapi dapat diandaikan hukum syara' yang diterima pakai dalam undang-undang diambil daripada pendapat yang terdapat dalam mazhab Syafi'i. Andaian tersebut disokong oleh berberapa faktor.

Pertama, merujuk kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam perkara 2(1), berkenaan tafsiran ugama Islam. Ugama Islam ditafsirkan mengikut mazhab Syafi'i. Pengamalan mazhab Syafi'i di Brunei Darussalam telah ditetapkan secara rasmi melalui peruntukan undang-undang. Ini bermakna mazhab Syafi'i diterima untuk diamalkan dalam bidang ibadat, mu'amalat, perkawinan dan lain-lain.

Kedua, perlantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Perkawinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik orang Islam bermazhab Syafi'i yang berkelayakan untuk memegang jawatan sebagai Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Timbalan Pendaftar. Ini dinyatakan dalam pasal 26 ceraian (1) dan ceraian (2). Oleh karena pegawai tadbir di Mahkamah Syariah bermazhab Syafi'i, maka ia sesuai dengan pemakaian mazhab Syafi'i dalam menyelesaikan kes-kes di Mahkamah, khususnya berkaitan dengan kes kekeluargaan..

Ketiga, pengeluaran fatwa mengutamakan qaul muktamad dalam mazhab Syafi'i. Ini dinyatakan dalam bab 43, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Mufti berfatwa dengan mengutamakan pendapat dalam mazhab Syafi'i. Fatwa tersebut ada kalanya akan menjadi hujjah hakim perbicaraan dalam mahkamah. Oleh itu sesuailah hukum syara' yang dimaksudkan dalam undang-undang keluarga itu adalah hukum syara' berdasarkan mazhab Syafi'i dengan mengambil kira fatwa mufti.

Undang-undang keluarga tiada mengadakan peruntukan bagi syarat kelayakan wali yang mana keizinannya diterima pakai. Undang-undang juga tidak menyatakan secara jelas siapakah yang dimaksudkan dengan wali, adakah dia seorang lelaki atau perempuan? Begitu juga dengan susunan wali, tidak dijelaskan secara terperinci. Akan tetapi daripada tafsiran ugama Islam dalam Perlembagaan, maka rujukan kepada hukum syara' diandaikan Artinya hukum syara' mazhab Syafi'i.

### **Kesimpulan**

Keizinan wali merupakan syarat utama untuk mendapat kebenaran berkahwin daripada Pendaftar Perkawinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam di Mahkamah Syariah Brunei Darussalam. Secara realiti, dalam masyarakat Brunei, hanya seorang lelaki dalam kalangan kerabat perempuan yang akan dinikahkan sahaja berhak menjadi wali. Pemilihannya dirujuk daripada syarat-syarat wali yang terdapat dalam mazhab Syafi'i. Ini menjadi bukti bahawa wali, salah satu daripada rukun nikah dalam mazhab Syafi'i telah diserapkan ke dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei (Pindaan 2012).

### **Daftar Pustaka**

- Al-Qur'an al-Karim. (2007). Bandung: Syaamil Cipta Media.  
Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. T.tp.: 'Alim al-Kutub  
Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. T.tp:  
Dar Tauq al-Najah.

- Al-Dimyati, Abu Bakr bin Muhammad Syata. (2001). *Tanah al-Talibin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Dusuqi, Muhammad 'Arafah. (2005). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Karami, Mar'i bin Yusuf. (2004). *Dalil al-Talib li Nail al-Matalib*. Al-Riyadh: Dar Tayyibah
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. T.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Marginani, Ali bin Abi Bakr. (t.t.). *Al-Hidayah fi Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Ramli, Muhammad bin Ahmad. (1967). *Nihayah al-Muhtaj*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (t.t.). *al-Musnad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. (2006). *Tafsir al-Imam al-Shafii*. Al-Mamlakah al-Saudiyyah al-'Arabiyyah: Dar al-Tadamriyyah.
- \_\_\_\_\_. (1990). *Al-Um*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syarqawi, 'Abd Allah bin Hijazi. (1941). *Hasyiah al-Syarqawi*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali. (t.t.). *Al-Muhazzab*. Mesir: Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. (1998). *Sunan al-Tirmizi*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami
- Al-Zuhaili, Muhammad. (2001). *Al-Faraaidh wa al-Mawaris wa al-Wasaya*. Dimasyq: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (1994). *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad*. T.tp: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (1997). *Al-Mu'jam al-Wajiz*. t.tp.
- Malik bin Anas. (1994). *Al-Mudawwanah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mujahid bin Jabr. (1989). *Tafsir Mujahid*. Mesir: Dar al-Fikr al-Islami al-Hadithah.
- Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. (t.t.). *Al-Musnad al-Sahih*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turrath al-'Arabiyyah.

### **Statuta**

- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.
- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, pindaan sebelum tarikh 8 November 2008.
- Undang-Undang Keluarga Islam Brunei (Pindaan 2012).